

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi Kuala Lumpur ke Sarawak seperti Sibu-Kuala Lumpur dan Sibu-Johor pada musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim perayaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada penambahan penerbangan bagi laluan Sibul- Kuala Lumpur dan Sibul- Johor Bahru pada musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini, harga tiket penerbangan ke kedua-dua laluan tersebut telah menurun di antara 19.8% sehingga 57% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018, bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat. Dalam hubungan ini, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah sekiranya ia ditempah lebih awal.
2. Bagi memastikan harga tiket penerbangan domestik akan kekal pada paras munasabah sepanjang musim-musim perayaan lain yang akan datang, Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) akan mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
3. Selain itu, Kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh 7 hari tersebut. Pihak Suruhanjaya juga akan terus memantau harga tiket penerbangan semasa musim-musim perayaan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.